

OKB OKU TERUS AKTIF



ORANG Kota Bharu Orang Kurang Upaya (OKB OKU) yang ditubuhkan pada Mel tahun lalu terus melaksanakan pelbagai aktiviti bagi memperkasakan kemampuan dan potensi golongan berkenaan.

Presiden Persatuan Orang Kota Bharu (POKB), Datuk Sheikh Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad berkata, pelbagai aktiviti dilaksanakan di bawah OKB OKU antaranya Seminar Ibadah bersama Pusat Latihan dan Perindustrian Bangi dan Akademi Perniagaan Dalam Talian anjuran Universiti Malaya

Menurutnya, program terbaharu OKB OKU adalah projek komuniti bersama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang memberi peluang kepada ahli-ahli untuk bekerja dalam industri kreatif selain menjadikan Wad Rehabilitasi Hospital Sungai Buloh sebagai wad angkat persatuan.

■ **SHEIKH AHMAD DUSUKI SHEIKH MOHAMAD** (berdiri, tiga dari kanan) beramah mesra dengan wakil daripada 250 ahli Orang Kota Bharu Orang Kurang Upaya (OKB OKU) yang pertama kali menyertai Mesyuarat Agung Kali Keenam dan Majlis Aidilfitri Persatuan Orang Kota Bharu (POKB) di Kelab Tasik Putrajaya, semalam.